

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH

KAWASAN : JASIN

TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 56

YB. DATUK WIRA HJ AHMAD minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tahap persiapan negara dan rakyat Malaysia untuk menjadi sebahagian dari warga AEC menjelang 2015 serta potensi impaknya ke atas kehidupan rakyat.

JAWAPAN:

Tuan yang Di Pertua,

Bagi mencapai objektif pengukuhan ekonomi, Sidang Kemuncak ASEAN telah memperakukan Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (*AEC Blueprint*) yang telah ditandatangani pada 20 November 2007. Pembentukan AEC 2015 adalah penting bagi ASEAN untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan menarik pelaburan langsung asing, mewujudkan teknologi baru dan berinovasi serta melahirkan masyarakat berkemahiran dan berpengetahuan tinggi. Pelan AEC ini menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh setiap negara anggota ASEAN dalam merealisasikan AEC sepenuhnya pada 1 Januari 2015 iaitu:

- i. mewujudkan ASEAN sebagai pasaran tunggal dan pusat pengeluaran;
- ii. menjadikan ASEAN sebagai kawasan ekonomi yang berdaya saing;
- iii. menjadikan ASEAN sebagai kawasan pembangunan ekonomi yang saksama (*equitable economic development*); dan
- iv. memastikan ASEAN terus diintegrasikan dengan ekonomi global.

Secara keseluruhannya, kadar pelaksanaan purata langkah-langkah AEC bagi ASEAN sehingga kini adalah 72.2 peratus. Manakala kadar pelaksanaan purata bagi Malaysia adalah 80 peratus, ditangga keempat dikalangan negara-negara ASEAN. Menjelang 2015 Malaysia mensasarkan sekurang-kurangnya pencapaian sebanyak 90-95 peratus.

Antara komitmen-komitmen di bawah AEC yang telah dicapai oleh Malaysia adalah:

- i. Liberalisasi barangan melalui penghapusan duti import di bawah Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ATIGA) sebanyak 99 peratus telah dicapai.
- ii. Liberalisasi sektor perkhidmatan sehingga pakej ke-9 dengan menawarkan sebanyak 101 sub-sektor perkhidmatan dalam pelbagai bidang termasuk ICT, pendidikan, pelancongan, perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan profesional, pengangkutan, kewangan dan alam sekitar. Pelaksanaan pakej ke-10 dijangka dicapai pada 2015.
- iii. 7 Peraturan Perkhidmatan Bersama (*Mutual Recognition Arrangements-MRAs*) telah ditandatangani bagi memudahkan pergerakan profesional, pekerja mahir dan bakat (*talent*) dalam bidang-bidang seperti kejuruteraan, perakaunan, pergigian dan rawatan perubatan, arkitek, jururawat dan juruukur.
- iv. Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA) telah berkuatkuasa pada 29 Mac 2012 yang akan memudahkan transformasi ASEAN sebagai hab pelaburan bagi menarik pelaburan asing (FDI) dan intra-ASEAN.
- v. Pelaksanaan *National Single Window* bagi mengharmonisasikan dan memudahkan prosedur bagi perdagangan import dan ekport.

- vi. Lain-lain inisiatif di bawah pelbagai sektor seperti pengangkutan, pelancongan, alam sekitar, infrastruktur, ICT, pendidikan, kewangan dan inisiatif-inisiatif bersama rakan dialog ASEAN di bawah FTA yang ditandatangani.

AEC juga memberikan ruang untuk ASEAN menyediakan persekitaran ekonomi yang lebih kondusif melalui transparensi, keboleh jangkauan (*predictability*) dan konsistensi untuk pembangunan perdagangan, pelaburan dan perdagangan. Melalui AEC negara dapat memanfaatkan dari segi peningkatan pelaburan dan perdagangan, peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan mewujudkan peluang pekerjaan.

AEC telah memberi ruang untuk syarikat-syarikat Malaysia memasuki dan bertapak di negara-negara ASEAN serta memberi akses yang terbuka kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menembusi pasaran serantau sebelum mengeksport ke pasaran global. Dianggarkan melebihi 1,000 buah syarikat Malaysia telah beroperasi di negara-negara ASEAN antaranya adalah AirAsia, Maybank, CIMB, RHB, UEM, BinaPuri, SimeDarby, Petronas, Secret Recipe, Marrybrown dan Ingress.

AEC juga memberikan lebih pilihan kepada rakyat Malaysia untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan terbaik dengan kos yang lebih murah. Pembentukan AEC dijangka akan menggalakkan pembangunan ekonomi bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan merapatkan jurang pembangunan di kalangan negara ASEAN, serta menyumbang ke arah meningkatkan pendapatan per kapita.

Pelaksanaan dan kejayaan AEC hanya akan dicapai sekiranya masyarakat dan ahli-ahli perniagaan bersama-sama menggerakkan inisiatif-inisiatif AEC. Bagi memastikan pemahaman dan kepentingan AEC tersebut dicapai, MITI secara agresif telah merangka dan memulakan program untuk meningkatkan kesedaran rakyat dan ahli-ahli perniagaan mengenai AEC. MITI telah dan juga sedang bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk mempromosikan kepentingan ASEAN bagi Malaysia, khususnya pasaran bagi eksport Malaysia serta lokasi bagi syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur di rantau ini. Sehingga kini MITI telah menjalankan *AEC outreach* programme di UiTM, UM, UIA, ahli-ahli perniagaan bersama MATRADE, ASLI, CIMB-CARI, FMM, ABAC dan di negeri-negeri di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak.

Malaysia optimis akan mampu mencapai komitmen-komitmen di bawah AEC menjelang 2015. Dengan terlaksananya AEC 2015, semua lapisan masyarakat dalam pelbagai sektor ekonomi dijangka akan turut merasai faedah dan kebaikan yang ditawarkan oleh rantau ASEAN.